

PM akan umum insentif pinjaman peniaga terjejas banjir

Oleh SUFFIAN ABU BAKAR

SEGAMAT 7 Jan. - Insentif pinjaman baru bagi membantu perniagaan yang terjejas akibat banjir akan diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak lama lagi.

Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek berkata, perkara itu telah dibincangkan dan dipersetujui Kabinet membabitkan pinjaman kerajaan sama ada tanpa faedah atau dengan kadar faedah yang rendah.

"Kerajaan boleh memberi pelbagai ben-

tuk pinjaman untuk menghidupkan semula perniagaan peniaga yang terjejas kerana banjir.

"Kami (anggota Kabinet) hanya membincangkan cadangan itu dan oleh kerana Perdana Menteri juga Menteri Kewangan, beliau sahaja yang boleh membuat pengumuman itu," katanya.

Soi Lek berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Kempen Pencegahan Penyakit Selepas Banjir peringkat daerah Segamat di Dewan Serbaguna Kampung Abdullah di sini hari ini.

Bagaimanapun, Soi Lek tidak menyata-

kan bila Perdana Menteri akan membuat pengumuman tersebut.

Katanya, semua peniaga daripada pemborong kepada peniaga warung boleh memohon dan menikmati insentif pinjaman tersebut.

"Bagaimanapun, perkara ini hanya dibincangkan di peringkat Kabinet. Tunggulah sehingga Perdana Menteri mengumumkannya," kata Soi Lek.

Dalam ucapannya, beliau berkata, semua jenis perniagaan termasuk sektor peruncitan yang mengalami kerugian besar akibat banjir akan memperoleh manfaat

daripada pemberian pinjaman itu.

Katanya, mesyuarat Kabinet turut membincangkan kerugian yang dialami oleh pelbagai sektor termasuk kerosakan kemudahan infrastruktur dan sampah sarap yang terhasil kesan daripada bencana itu.

Menurut beliau, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah dipertanggungjawabkan menyenggara segera proses membaik pulih kerosakan kemudahan awam, manakala usaha membantu sektor pertanian yang terjejas akan dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet Rabu ini.